

## PERMULAAN UMUR BAGI MASALAH KEKERASAN LIDAH DALAM KALANGAN ORANG MELAYU DALAM PENYEBUTAN HURUF ARAB

Muhammad Ridha Ali Huddin & \*Ahmad Arifin Sapar

### ABSTRACT

The issue of the onset age for phonological fossilization among second language learners is often debated. There are many studies on this phonological fossilization problem conducted in Western countries. However, the study still can not be generalized to the context of the Malays in Malaysia. This study focuses only on one of the main objectives which is to identify the onset of age who are classified as the starting point for the problem of phonological fossilization among Malays towards Arabic pronunciation. This study is a quantitative study using quasi-experimental design. The sample was selected among Malays who aged six to sixteen years of a total of 22 people around Putrajaya. All study samples were found to be healthy from any permanent defects in the articulatory organs. All study samples were grouped into one treatment group only. Data were collected through pronunciation recording of 10 phonemes consonants identified as the most difficult letters for non-native speakers based on Mahjub's Theory (1993). Arabic phoneme pronunciation for all consonants by each respondent was recorded using a high quality MARANTZ C03U USB multi-pattern condenser. Data analysis in the form of descriptive analysis is done to obtain the values of frequency, percentage and mean and described descriptively. The recording data was also evaluated by two examiners who are experts in the field of the al-Quran. The results showed that the starting age for phonological fossilization among Malays is as early as six years old.

**Keywords:** Onset Age, Phonological Fossilization, Malays, Pronunciation, Arabic Language

Department of Arabic Language and  
Middle Eastern Languages,  
Faculty of Languages and  
Linguistics,  
University of Malaya  
*arifin@um.edu.my*

## PENDAHULUAN

Fonetik Arab dikenali juga sebagai ilmu tentang sebutan huruf Arab telah muncul ke Alam Melayu sekitar kurun pertama Hijrah seiring dengan kedatangan Islam. Proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terus berkembang maju di Tanah Melayu dengan bermulanya sistem institusi Pondok dan Madrasah pada kurun ke-18 Masihi (Harian Metro, 2018). Terdapat hubungan yang kuat antara ilmu sebutan huruf Arab dengan ilmu Tajwid al-Qur'an juga. Tajwid dari segi bahasa bermaksud memperelok; manakala dari segi istilah merujuk kepada pemberian hak kepada setiap huruf dari aspek makhraj, sifat, dengung atau kepanjangan harakat (Berita Harian Online, 2019). Lantaran itu, pemahaman yang baik terhadap ilmu Tajwid al-Qur'an mencerminkan tahap yang baik dalam sebutan huruf Arab. Hal ini juga bertepatan dengan catatan oleh Syeikh Abdul Mu'ti dalam bukunya berjudul *Mir'at al-Qurān fi Tashīl li Ma'rifati Aḥkām al-Tajwīd lil Mulkil Wahhāb* (Asmadi Yakob, Ashrof & Syuhaida Abd Rahim, 2014) yang menunjukkan keberadaan dan penekanan terhadap sebutan huruf Arab di Tanah Melayu.

*Fossilization* berasal daripada perkataan *fossil*, dari sudut etimologi bermaksud batu, dan *fossilization* ialah ‘pembatuan’. Selinker (1972) merupakan sarjana terawal yang mendefinisikan terminologi ‘*fossilization*’ yang bermaksud ‘pembatuan’. ‘Pembatuan’ ini kemudian disandarkan kepada sifat lidah manusia iaitu lidah yang keras untuk menyebut sesuatu huruf dalam sesuatu bahasa. Terminologi yang digunakan oleh beliau merujuk kepada pelajar bahasa kedua yang tidak pernah mencapai tahap penguasaan dalam bunyi sebutan bahasa sasaran seolah-olah bunyi penutur jati bagi sesuatu bahasa. Namun, Ashley Fidler (2006) menyatakan bahawa terminologi ‘*fossilization*’ masih sukar untuk diterangkan secara empirikal.

Manakala *phonological fossilization* adalah salah satu bentuk atau jenis ‘pembatuan’ tersebut (Wei, 2008) dan dalam konteks makalah ini, terminologi ini merujuk kepada masalah kekerasan lidah. Kekerasan lidah merupakan satu masalah sebutan iaitu ketidakupayaan individu untuk menuturkan sesuatu huruf sama ada dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Dalam konteks makalah ini, penekanan diberikan pada masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu terhadap dua aspek utama dalam sebutan huruf Arab iaitu makhraj dan sifat huruf. Terdapat banyak kajian di negara lain yang membahaskan isu kekerasan lidah dalam kalangan pelajar bahasa kedua dengan pelbagai metodologi yang digunakan (Wei, 2008). Hingga kini, mitos berkenaan fleksibiliti atau ‘kelembutan’ lidah orang Melayu hanya menjadi bualan kosong yang tiada bukti daripada sebarang kajian empirikal. Namun, jika dilihat dari kaca mata pengkaji-pengkaji bidang fonetik dan fonologi Arab, masih banyak ruang dan kelompongan berkenaan isu ini yang boleh dijalankan di Malaysia.

Bahasa Arab mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Orang Melayu Islam yang menunaikan amal ibadah tidak dapat dipisahkan dengan sebutan huruf Arab, malah semestinya mereka perlu lebih berhati-hati dan cakna terhadap sebutan huruf Arab tersebut. Amal ibadah dikerjakan sekurang-kurangnya lima kali setiap hari, lantaran menjadikannya sangat penting untuk direnungkan oleh semua orang Melayu Islam di Malaysia. Penekanan terhadap sebutan huruf Arab perlu dilakukan seawal yang mungkin dalam usaha untuk mengelak masalah yang lebih serius terhadap sebutan huruf Arab tersebut. Hal ini berikutan kewujudan masalah baharu yang timbul iaitu kekerasan lidah dalam penyebutan huruf Arab. Oleh itu, penentuan terhadap permulaan umur bagi masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu dalam penyebutan huruf Arab adalah penting dalam situasi ini bagi mengenal pasti jalan-jalan penyelesaian yang bersesuaian dengan tahap kekerasan lidah tersebut.

Menurut Sims (1989, dipetik dari Wei, 2008), kekerasan lidah terbahagi kepada dua kategori iaitu kekerasan lidah sementara dan kekerasan lidah kekal. Kekerasan lidah sementara merujuk kepada penahanan bagi perkembangan ciri-ciri bahasa sasaran dalam jangka masa yang pendek atau panjang. Sebaliknya, kekerasan lidah kekal berlaku akibat daripada faktor sosial, psikologi dan pembolehubah-pembolehubah interaktif. Kekerasan lidah sementara masih boleh diperbaiki (Wei, 2008). Apabila pelajar bahasa kedua dalam kalangan orang Melayu sudah diklasifikasikan sebagai keras lidah, semestinya terdapat banyak implikasi negatif akibat masalah tersebut terhadap makhraj dan sifat huruf Arab. Hal ini juga akan menyebabkan kecacatan dalam bacaan surah al-Fatihah di dalam solat seterusnya mengurangkan kualiti amal ibadah sehari-hari, malah lebih teruk lagi apabila solat yang dikerjakan tidak sah di sisi Allah SWT.

Oleh itu, bahasa Arab sangat penting untuk dikuasai oleh semua orang Melayu Islam terutamanya dari aspek sebutan huruf Arab. Sebutan huruf Arab telah mula diajar pada peringkat sekolah rendah di sekolah-sekolah kerajaan di bawah mata pelajaran Tajwid al-Quran. Lantaran itu, semua orang Melayu berpeluang untuk mendapatkan pembelajaran sebutan huruf Arab tersebut. Namun, terdapat beberapa kekangan yang menghalang keberkesanannya sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah seperti kaedah pengajaran sebutan huruf Arab, bilangan murid yang ramai dan tempoh masa yang singkat. Akibatnya, murid-murid tidak dapat memahami tajuk tersebut dengan sempurna hingga tiba waktunya mereka benar-benar bersedia untuk mempelajarinya semula, tetapi usia mereka sudah memasuki fasa akil baligh iaitu sekitar 15 tahun. Hal ini seterusnya akan menyukarkan mereka untuk memperoleh sebutan bahasa Arab yang paling tepat (Hulin, 2013).

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, justeru, kajian ini perlu dijalankan bagi tujuan untuk mengenal pasti permulaan umur yang diklasifikasikan sebagai sudah mengalami masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu dalam penyebutan huruf bahasa Arab. Objektif ini juga bertujuan bagi membuka laluan kepada jalan-jalan penyelesaian yang bersesuaian mengikut peringkat umur pelajar bahasa kedua yang mengalami masalah kekerasan lidah dalam penyebutan bahasa Arab khususnya.

## KAJIAN LITERATUR

Bahasa Arab merupakan bahasa asing yang sangat rapat dengan komuniti Melayu Islam di Malaysia. Bahasa Arab digunakan di dalam amal ibadah harian dan bacaan al-Quran. Sebutan huruf Arab menjadi tunjang kepada tahap sesuatu bacaan dalam solat serta elemen penting dalam kemahiran bertutur (Fared Din & Mohammad Seman, 2019). Walaupun tidak semua orang Melayu mempelajari bahasa Arab di sekolah, namun mereka tetap tidak terlepas daripada menggunakan sebutan huruf Arab. Malah, penentuan bagi permulaan umur bagi masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu akan membantu mereka menyedari masalah tersebut lebih awal seterusnya memudahkan mereka untuk mengurangkan masalah tersebut. Sebaliknya, jika kesedaran tentang masalah kekerasan lidah tidak dikesan dari awal, masalah tersebut akan menyukarkan mereka untuk menunaikan ibadah dan bacaan al-Quran dengan baik. Masalah tersebut menjadi lebih serius apabila melibatkan sebutan huruf dalam bacaan surah *al-Fātiha* yang dimaklumi sebagai salah satu rukun utama bagi syarat penerimaan ibadah solat. Dalam usaha untuk mencapai objektif ini, pengkaji meneliti kajian-kajian lepas berkenaan faktor umur dalam mempengaruhi tahap sebutan bahasa sasaran. Oleh itu, makalah ini melibatkan responden yang berumur dari enam tahun hingga enam belas tahun berdasarkan teori-teori kajian lepas yang dijalankan di negara-negara lain.

Tahap umur merupakan faktor yang paling rapat dikaitkan dengan masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu terhadap penyebutan huruf Arab. Faktor umur lazimnya menjadi isu perdebatan dalam masalah sebutan huruf bahasa sasaran dalam kalangan pelajar bahasa kedua. Terdapat banyak kajian dijalankan di negara lain berkenaan faktor umur dan hubungannya dengan fenomena kekerasan lidah dalam bahasa sasaran. Dalam kajian Flege (1999; Oyama 1976; dipetik dari Charles Nagle, 2011), umur yang dikatakan mempunyai peluang paling tinggi dalam pemerolehan bunyi bahasa asing ialah di bawah usia enam tahun. Namun, menurut Hulin (2013), seseorang yang bermula mempelajari bahasa kedua sebelum usia 15-16 tahun masih boleh memperoleh bunyi sebutan huruf bahasa sasaran tersebut. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan faktor umur dalam pemerolehan sebutan bahasa Arab masih kurang dijalankan di Malaysia. Malah, kajian-kajian lepas lebih banyak menumpukan terhadap huruf-huruf Arab yang menjadi masalah kepada pelajar Melayu dan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi bukan penutur jati (Afifah, 2012; Hasmadi, 2011; Harun Baharudin; 2009 & 2017; Issraq, 2007 & 2017; Fared Din & Mohammad Seman, 2019; Shahidi et al., 2020; Nik Rahimi et al., 2010; Zarima Zakaria & Nik Rahimi, 2015). Lantaran itu, pengkaji mencuba untuk mengenal pasti umur yang diklasifikasikan sebagai sudah mengalami masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu.

Isu permulaan dan pengakhiran umur dalam pemerolehan sebutan bahasa kedua atau bahasa asing adalah sangat penting bagi memberi gambaran awal terhadap peluang dalam pemerolehan bunyi sebutan bahasa kedua tersebut. Hal ini akan memudahkan pengkaji-pengkaji bidang fonetik untuk menyediakan jalan-jalan atau cara-cara yang paling sesuai mengikut tahap umur pelajar bahasa kedua seterusnya memberi gambaran terhadap tahap kekerasan lidah mereka. Jika pelajar bahasa kedua mempelajari bahasa kedua selepas sudah memasuki fasa umur akil baligh iaitu sekitar 15-16 tahun, maka mereka akan mengalami kesukaran untuk memperoleh

sebutan bahasa sasaran dengan tepat (Hulin, 2013). Sebaliknya, Flege (1999) & Oyama (1976) berpandangan bahawa untuk memperoleh bunyi sebutan bahasa sasaran yang tepat haruslah bermula sebelum usia enam tahun.

Kajian empirikal yang dijalankan beberapa dekad lalu menyatakan bahawa umur seseorang pelajar itu didedahkan kepada bahasa kedua kali pertama mempengaruhi hasil yang berpanjangan terutamanya dari aspek fonologi (Moyer, 2014). Lenneberg (1967) mengatakan bahawa adalah mustahil bagi individu yang mempelajari bahasa kedua atau bahasa asing selepas fasa akil baligh untuk memperoleh bunyi sebutan yang tepat dalam bahasa sasaran tersebut. Kenyataan ini bercanggah dengan pandangan Long (1990) yang menyatakan bahawa hanya jika seorang sahaja pelajar yang berjaya memperoleh bunyi sebutan bahasa sasaran seperti penutur jati sudah memadai untuk menolak teori '*Critical Period Hypothesis*' yang diperkenalkan oleh Lenneberg (1967).

Singleton & Lesniewska (2012) mengkritik dengan tegas terhadap kesahan teori CPH memandangkan hujah mereka bahawa sebarang penurunan di dalam pembelajaran bahasa kedua yang berlaku pada penghujung usia peringkat kanak-kanak adalah berbeza antara setiap individu. Purcell dan Suter (1980) mendapat bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara tahap bunyi sebutan dan permulaan umur, tetapi faktor-faktor lain adalah signifikan seperti keupayaan meniru (*aptitude for oral mimicry*), tempoh menetap di negara bahasa sasaran tersebut, terutamanya sekiranya tinggal bersama seorang penutur jati, darjah kecaknaan terhadap ketepatan sebutan (*degree of concern for pronunciation accuracy*) dan juga lidah ibunda (*mother tongue*) itu sendiri.

Tahta et al. (1981) menyatakan bahawa satu penurunan dalam keupayaan peniruan fonetik (*phonetic imitation abilities*) dalam kalangan murid-murid sekolah Inggeris yang mempelajari bahasa Perancis seawal usia lima tahun dan masalah itu berterusan hingga usia 15 tahun. Penurunan dalam keupayaan untuk meniru corak intonasi yang asli tidak kelihatan hingga umur 8 tahun, sebaliknya penurunan itu kelihatan sedikit kenaikan sekitar 13 hingga 15 tahun. Justeru, para pelajar boleh meniru intonasi dengan jayanya pada mana-mana umur jika mereka diberi pendedahan dan latihan yang mencukupi. Ibrahim Ar-Rifou (2015) mendapat bahawa pelajar-pelajar Melayu di peringkat universiti masih mengalami masalah sebutan huruf Arab meskipun berada di Negara penutur jati selama 4 tahun.

Kajian berkenaan fasa kritikal jelas sekali memperlihatkan bahawa kebarangkalian untuk mencapai tahap sebutan bahasa kedua yang hampir dengan penutur jati adalah rendah jika sudah dimamah usia (Flege, 1987; Patkowski, 1980; 1990; Scovel, 1988). Moyer (2015) telah membincangkan hubung kait antara loghat atau lenggok (*accent*) dan umur di dalam bukunya yang bertajuk "*Foreign Accent: The Phenomenon of Non-Native Speech*". Fonologi adalah unik kerana bergantung kepada kedua-dua kemahiran yang bersandarkan motor dan kognitif untuk pemahaman dan pengucapan bunyi bahasa, seterusnya melibatkan banyak pusat pemprosesan, iaitu mana-mana sahaja boleh menjadi subjek kepada penurunan dalam kapasiti atau fungsi ke atas jangka hayat individu. Ini adalah kerana sebutan yang baik bergantung kepada ketepatan artikulatori, proses pemahaman auditori dan analisis arahan yang lebih tinggi, fonologi barangkali cenderung kepada kesan umur dalam wilayah neurokognitif. Di samping itu, sesetengah para sarjana berpendapat bahawa umur secara neurobiologikal tidak cukup memberi penerangan yang holistik untuk hasil sebutan bagi bukan penutur jati dalam fonologi bahasa kedua kerana sememangnya terikat dengan keadaan luaran dan orientasi sosio-psikologi pelajar.

Munoz (2008) menyatakan bahawa permulaan umur bagi pembelajaran sesuatu bahasa kedua tidak cukup untuk dijadikan kayu ukur bagi penghasilan sebutan bahasa kedua tersebut. Oleh itu, tumpuan pada faktor permulaan umur sahaja tanpa mengambil kira konteks semasa adalah mendorong kepada kesilapan dalam melakukan kesimpulan berkenaan faktor umur. Data daripada Munro dan Mann (2005) menunjukkan hubung kait antara umur dan penurunan yang berterusan dari aspek loghat atau lenggok (*accent*) bagi 42 orang penutur jati bahasa Mandarin yang mempelajari bahasa Inggeris. Namun begitu, permulaan umur yang terakhir ialah 16 tahun, memberarkan tanpa perbandingan dengan pelajar yang lebih berusia. Ramai sarjana mengesahkan pandangan ini, peluang tertutup seawal usia 5-6 tahun ataupun lebih awal (lihat Bongaerts 2005; Perry & Harris 2002), dan kebarangkalian pemerolehan seperti penutur jati kelihatan berkurangan yang ketara dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran lain.

Sebaliknya, dalam kajian Long (2005, dipetik dari Moyer, 2015) menyatakan bahawa orang dewasa hanya menyamai atau lebih baik daripada golongan pelajar muda dari sudut pengukuran tempoh pendek, bukan pencapaian berterusan yang selama-lamanya. Dalam konteks di Malaysia yang mempunyai tiga bangsa utama dan pelbagai etnik, permulaan dan pengakhiran bagi masalah kekerasan lidah (*phonological fossilization*) semestinya berbeza berbanding negara-negara lain. Sepanjang kajian mengenai kesan tempoh kritikal, 'lewat' boleh didefinisikan sebagai mana-mana umur bermula dari umur 9 tahun (di mana 'awal' ditakrifkan sebagai usia 8 tahun ke bawah) hingga usia 15 tahun, atau bahkan hingga usia 20 tahun atau lebih (Moyer, 2007).

Umur pelajar pasti salah satu faktor yang mempengaruhi kualiti sebutan bahasa Arab. Sebenarnya, bukan hanya untuk sebutan bahasa Arab, tetapi ia juga berlaku pada semua bahasa di dunia. Ellis (2005, dipetik dari Hulin, 2013) mendakwa bahawa kesan langsung dari beberapa faktor sosial terhadap fosilisasi kecekapan bahasa kedua sebagaimana yang disarankannya adalah seperti identiti etnik, umur, jantina dan kelas sosial. Pelajar kumpulan usia social (*social age group learners*) yang mula mempelajari bahasa kedua setelah fasa awal akil baligh hampir tidak dapat mencapai aksen penutur bahasa ibunda, sebaliknya mereka yang bermula sebelum usia lima belas tahun lebih cenderung untuk membentuk kemampuan yang lebih bagi menghasilkan sebutan yang lebih baik. Menurut Schumann (1986), faktor sosial yang menyumbang kepada fosilisasi bahasa kedua adalah dominasi, integrasi, kepungan dan faktor lain.

Pemerolehan bahasa kedua pasti dipengaruhi oleh usia pelajar dan secara khusus pengucapan dapat membuat orang dewasa merasa sebutan lebih sukar daripada yang dilakukan oleh kanak-kanak dan mereka mungkin tidak akan mencapai pengucapan seperti bahasa asli. Menurut '*Critical Period Hypothesis*' yang dikemukakan oleh Lenneberg (1967), terdapat tempoh biologi atau neurologi yang berakhir sekitar usia dua belas tahun; selepas tempoh ini menjadi sangat sukar untuk mencapai penguasaan bahasa kedua sepenuhnya terutamanya dari aspek pengucapan.

Sebaliknya, Bialystock (1997) dan Bongaerts et al. (1997) berpendapat bahawa pelajar dewasa mampu memperoleh sebutan seperti penutur jati dalam bahasa kedua. Pembelajaran pengucapan yang berkesan tidak terbatas pada kanak-kanak kecil sahaja, tetapi remaja dan orang dewasa yang lebih tua memiliki kekuatan tersendiri dan juga dapat belajar pengucapan dengan baik walaupun bunyi sebutan mereka tidak seperti sebutan penutur jati. Fenomena ini dikenali sebagai fosilisasi fonologi. Orang dewasa lebih mampu menetapkan matlamat dan berlatih dengan bersasar. Mereka dapat memahami penjelasan yang lebih abstrak dan menganalisis bagaimana bunyi dihasilkan dan bagaimana melodi dan irama bahasa berbunyi. Dalam erti kata yang lain, orang dewasa yang mempelajari bahasa kedua masih berpeluang untuk memperoleh bunyi sebutan bahasa sasaran dengan tepat.

Menurut Singleton (2005), dari tahun 1959 hingga 2003, terdapat sekurang-kurangnya 10 versi '*Critical Period Hypothesis*' (CPH) yang berbeza yang diketengahkan oleh pelbagai pengkaji dan batas akhir usia bagi setiapnya adalah amat berbeza. Walaupun terdapat banyak versi '*Critical Period Hypothesis*', namun Hyltenstam & Abrahamsson (2003) menyebut bahawa secara asasnya majoriti percanggahan adalah berkaitan dengan teori CPH asal Lenneberg (1967). Kedua-dua pengkaji ini membincangkan tiga aspek penting bagi CPH yang kerap dipersoalkan dalam kajian yang menentang CPH. Pertama, CPH boleh dipersoal apabila pelajar yang sudah melepassi fasa umur akil baligh mempelajari bahasa baru dan mempunyai kemahiran seperti penutur jati lantaran daripada pendedahan terhadap bahasa sasaran sahaja. Kedua, pembatalan CPH boleh disahkan jika prestasi pencapaian terakhir bagi pelajar dewasa lebih tinggi daripada kanak-kanak. Akhir sekali, CPH tidak boleh dijadikan alasan jika pelajar dewasa lebih baik daripada pelajar muda dalam pembelajaran bahasa. Hal ini membuktikan pengkaji-pengkaji ini memfokuskan pada bidang atau aspek bahasa yang spesifik untuk menguji keberkesanan pelajar tua dan muda.

Oleh itu, dalam konteks makalah ini, pengkaji bertujuan untuk mengenal pasti umur yang menjadi titik permulaan bagi masalah kekerasan lidah tersebut dalam kalangan orang Melayu dalam penyebutan huruf Arab. Kajian ini perlu dijalankan bagi mengetahui titik permulaan umur tersebut seterusnya membuka ruang kepada kajian-kajian pada masa akan datang berkenaan jalan-jalan atau kaedah-kaedah yang bersesuaian berdasarkan tahap kekerasan lidah tersebut.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimental. Sampel kajian dipilih bukan secara rawak dalam kalangan orang Melayu yang berumur enam tahun hingga enam belas tahun iaitu seramai 22 orang di sekitar Putrajaya. Kesemua sampel kajian didapati sihat daripada sebarang kecacatan kekal di bahagian organ artikulasi. Semua sampel kajian dijadikan sebagai satu kumpulan rawatan sahaja. Data dikumpul melalui rakaman sebutan fonem bagi 10 huruf konsonan yang dikenal pasti sebagai huruf yang paling sukar bagi bukan penutur jati. Rakaman suara tersebut dilakukan dengan menggunakan perakam suara berkualiti tinggi berjenama ‘MARANTZ CO3U USB multi-pattern condenser’. Analisis data berbentuk analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min serta diuraikan secara deskriptif. Data rakaman juga dinilai dengan menggunakan dua orang pemeriksa pakar dalam bidang al-Quran.

Kesahan kajian dilakukan melalui proses triangulasi teori iaitu berlandaskan daripada beberapa teori bagi membentuk rangka kajian ini. Selain itu, ujian normaliti juga dilakukan bagi memastikan data adalah bertaburan normal. Kebolehpercayaan kajian juga dilakukan dengan menetapkan tiga kali rakaman sebutan bagi setiap fonem oleh setiap responden. Ujian pra dan pasca dilakukan terhadap kesemua subjek kajian. Dapatkan bagi ujian pasca sahaja yang diambil kira sebagai kayu ukur bagi tahap nilai sebutan fonem setiap subjek kajian. Hal ini adalah disebabkan kesemua subjek kajian sudah menjalani proses intervensi khusus dengan mengaplikasi teknik pengawalan organ artikulasi (*articulatory control skill*) iaitu pendekatan pengawalan tekanan udara di saluran suara bagi mengurangkan masalah kekerasan lidah tersebut. Skor bagi ujian pasca kemudiannya akan dibandingkan dengan skor ujian pra untuk menentukan sama ada subjek kajian sudah diklasifikasikan sebagai keras lidah.

Panduan pemarkahan juga disediakan oleh pengkaji bagi memudahkan proses penilaian dilakukan. Skala pemarkahan ialah nilai satu hingga sepuluh, iaitu nilai yang lebih tinggi mewakili skor yang lebih tinggi. Skor purata bagi setiap fonem akan diambil kira bagi skor akhir setiap fonem. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah dengan menggunakan semua huruf konsonan yang disukunkan. Skala skor dibina dengan berpandukan definisi asal ‘phonological fossilization’ tersebut iaitu kesalahan sebutan yang dilakukan berulang kali disebabkan kewujudan masalah kekerasan lidah. Pengkaji juga menggunakan julat angka 1 hingga 10 bagi memudahkan untuk diterjemah kepada bentuk peratusan bagi nilai sebutan setiap fonem. Senarai fonem Arab yang dijadikan instrumen kajian adalah seperti berikut;

?ah (ح), ?akh (خ), ?aš (اَشْ), ?ad (اَضْ), ?at (اَطْ), ?az (اَظْ), ?a' (اُعْ), ?agh (غ), ?aq (قْ), ?ah (هْ).

Jadual 1

*Panduan Pemarkahan oleh Penilai Pakar*

Skala Skor	Penerangan
9-10	Sebutan adalah sempurna. Tidak terdapat sebarang kesalahan sebutan dari aspek makhraj dan sifat huruf.
7-8	Sebutan adalah baik. Terdapat satu kesalahan sama ada dari aspek makhraj atau sifat huruf.
5-6	Sebutan adalah memuaskan. Terdapat dua kesalahan yang berbeza berlaku pada tiga percubaan sebutan.
3-4	Sebutan adalah lemah. Terdapat dua kesalahan yang sama berulang dalam tiga percubaan sebutan sama ada dari aspek makhraj atau sifat huruf.
1-2	Sebutan adalah sangat lemah. Terdapat lebih dua kesalahan yang sama berulang kali dalam ketiga-tiga percubaan sebutan sama ada dari aspek makhraj atau sifat huruf.

Selepas semua rakaman sebutan sudah dinilai oleh dua orang pakar tersebut, responden diklasifikasikan berdasarkan skala pemarkahan yang dibina oleh pengkaji. Markah bagi setiap fonem akan dicampur kesemuanya dan ditunjukkan dalam bentuk peratus. Jadual pemarkahan bagi peratusan dibina berdasarkan jadual pemarkahan standard yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi mata pelajaran di sekolah-sekolah kerajaan.

Jadual 2

*Tahap Sebutan Huruf*

Marks (%)	Level of Pronunciation
80-100	Excellent
70-79	Very Good
60-69	Good
50-59	Satisfactory
40-49	Weak
0-39	Very Weak

**HASIL KAJIAN**

Hasil kajian ini diperolehi melalui proses analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min serta diuraikan secara deskriptif dari dua aspek utama yang menjadi penanda aras bagi menentukan setiap tahap responden iaitu tempat keluar huruf (مخارج الحروف) dan sifat huruf (صفات الحروف) .

Jadual 3

*Skor Sebutan 10 Fonem Mengikut Kumpulan Umur*

Umur (t)	Skor Sebutan		Skor Min	Tahap
	T1	T2		
6	36.33	54.62	45.48	Memuaskan
7	35.1	57.10	46.10	Memuaskan
8	39.03	56.64	47.84	Memuaskan
9	41.11	57.08	49.10	Memuaskan
10	41.43	55.15	48.29	Memuaskan
11	32.47	61.41	46.94	Memuaskan
12	41.50	55.00	48.25	Memuaskan
13	37.69	55.52	46.61	Memuaskan
14	47.86	64.03	55.95	Memuaskan
16	32.89	68.45	50.67	Memuaskan

Kumpulan umur yang terbaik dalam ujian pra ialah kumpulan umur 14 tahun dengan kutipan skor sebanyak 47.86 markah (47.86%) manakala kumpulan umur yang tercorot ialah kumpulan umur 11 tahun dengan skor hanya 32.47 markah (32.47%). Namun begitu, pencapaian skor sebutan fonem pada ujian pasca bertukar corak apabila kumpulan umur 16 tahun mendominasi senarai teratas iaitu dengan skor purata sebanyak 68.45 markah (68.45%) manakala kumpulan umur tercorot dalam ujian pra meraih 61.41 markah (61.41%) serta berada di tempat ketiga terbaik. Peningkatan pencapaian kumpulan umur 16 tahun yang ketara ini menunjukkan peningkatan melebihi 100% memandangkan kumpulan umur itu meraih tempat kedua tercorot dalam ujian pra dengan memperoleh skor purata hanya sebanyak 32.89 markah (32.89%). Dari segi skor min untuk semua kumpulan umur, skor min bagi ujian pra ialah 38.54 markah, kemudian melonjak naik ke 58.50 markah bagi ujian pasca. Terdapat tiga kumpulan umur yang menunjukkan peningkatan ketara bagi skor min dalam ujian pasca. Peningkatan skor min yang paling signifikan ialah kumpulan umur 16 tahun dengan peningkatan sebanyak 35.56 markah (108.12%) diikuti kumpulan umur 11 tahun dan 7 tahun di mana masing-masing menunjukkan peningkatan skor min sebanyak 28.94 markah (89.13%) dan 22.00 markah (62.68%). Meskipun begitu, jika skor min bagi ujian pra dan ujian pasca diambil kira kedua-duanya, maka kumpulan umur terbaik ialah kumpulan umur 14 tahun dengan memperoleh skor min 55.95 berbanding skor min kumpulan umur 16 tahun hanya 50.67 dan berada di tempat kedua dalam senarai bagi skor min kedua-dua ujian.

Seterusnya, analisis statistik inferensi dengan menggunakan ujian-t sampel berulangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi semua kumpulan umur. Keputusan ujian-t sampel berulangan menunjukkan terdapat perbezaan statistik yang signifikan bagi semua kumpulan umur responden dalam ujian pra dan pasca,  $t=21 (-8.907, df= 9, p<.05)$ . Dapatkan ini boleh dilihat dalam jadual di bawah:

Jadual 4

*Ujian-t Sampel Berulangan bagi Semua Kumpulan Umur*

Paired Differences						
95% Confidence Interval						
of the Difference						
		Upper		t	df	Sig. (2-tailed)
Pair 1	Pre-test Score of All Groups of					
	Age - Post-test Score of All		-14.88964	-8.907	9	.000
	Groups of Age					

Jadual 5

*Skor Semua Fonem Mengikut Responden*

No	Umur (t)	Skor Semua Fonem		Skor Min		No	Umur (t)	Skor Semua Fonem		Skor Min	
		T1	T2					T1	T2		
1	6t	2.25	5.17	3.71		12	10t	3.08	5.10		4.09
2	6t	4.60	5.97	5.29		13	10t	4.62	4.98		4.80
3	6t	4.05	5.25	4.65		14	10t	4.74	6.47		5.61
4	7t	3.59	5.65	4.62		15	11t	3.00	7.17		5.09
5	7t	3.43	5.77	4.60		16	11t	3.35	5.75		4.55
6	8t	4.09	6.32	5.21		17	11t	3.40	5.50		4.45
7	8t	3.48	5.43	4.46		18	12t	4.15	5.50		4.83
8	8t	4.15	5.25	4.70		19	13t	3.77	5.55		4.66
9	9t	4.47	5.80	5.14		20	14t	4.79	6.40		5.60
10	9t	4.92	6.32	5.62		21	16t	3.25	7.35		5.30
11	9t	2.94	5.00	3.97		22	16t	3.33	6.34		4.84

Jadual 5 di atas menunjukkan skor bagi semua fonem (10 fonem) mengikut responden yang disusun dengan tertib menaik dari aspek umur. Data ini lebih jelas bagi memperincikan skor dan skor min untuk semua fonem setiap responden. Pada awalnya, responden 1 yang berumur enam tahun hanya memperoleh skor 2.25 markah (22.5%) dalam ujian pra namun kembali bangkit dalam ujian pasca dengan meraih 5.17 markah (51.7%). Peningkatan ini adalah sangat ketara iaitu 110% jika dibandingkan dengan dua responden lain yang berada di dalam kumpulan umur yang sama. Begitu juga jika dilihat pada responden 21 yang berumur 16 tahun, responden tersebut memperoleh skor hany 3.25 markah (32.5%) dalam ujian pra namun mendaki dengan ketara dalam ujian pasca dengan kutipan skor sebanyak 7.35 (73.5%). Malah, responden 15 yang berumur 11 tahun juga menunjukkan peningkatan melebihi 100% apabila merekod kenaikan sebanyak 4.17 markah di mana skor dalam ujian pra hanya 3.00 markah (30%).

#### PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa orang Melayu juga berisiko terdedah kepada masalah kekerasan lidah seawal usia enam tahun. Namun begitu, keadaan ini tidak menjamin akan menjadikan pelajar bahasa kedua yang berumur melebihi parsa umur matang mengalami masalah kekerasan lidah tersebut selagi mana individu itu mempunyai beberapa faktor-faktor dalaman yang lain seperti motivasi, keyakinan diri, kebolehan meniru sebutan (*imitation ability*) dan pengetahuan bahasa (*language knowledge*). Jika dilihat pada data bagi rakaman selepas proses intervensi dilakukan, responden yang mendominasi skor tertinggi ialah dalam kalangan umur 12 hingga 16 tahun. Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa faktor umur adalah penting bagi mempengaruhi keupayaan penuturan sebutan bahasa kedua atau bahasa asing bagi individu tetapi masih tertakluk dengan banyak faktor yang lain. Responden yang berumur 16 tahun menjadi responden terbaik bagi ujian pasca (*post-test*). Tidak dapat dinafikan bahawa faktor pengetahuan bahasa (*language knowledge*) dan pemahaman berkenaan konsep pengawalan aliran udara itu sendiri merupakan satu teori asas sains di mana teori itu sangat

sukar untuk difahami oleh responden yang masih di sekolah rendah. Terdapat juga kajian lain di negara Barat mendapati bahawa pelajar bahasa kedua yang benar-benar menguasai dan berjaya menuturkan sebutan bahasa keduanya itu seolah-olah bunyi penutur jati walaupun usianya sudah 40 tahun. Namun setelah dikaji secara empirikal, responden tersebut sudah menetap di negara bahasa sasaran melebihi 20 tahun. Justeru, faktor persekitaran atau tempoh menetap di negara bahasa sasaran juga memainkan peranan bagi pelajar bahasa kedua.

Tempoh intervensi juga memainkan peranan yang penting ke atas pencapaian sebutan responden. Bagi responden yang berumur di bawah 12 tahun (sekolah rendah), mereka mengalami kesukaran yang lebih untuk memahami konsep pendekatan pengawalan tekanan udara yang diperkenalkan oleh pengkaji berbanding responden yang berumur di atas 12 tahun (sekolah menengah). Meskipun begitu, pencapaian yang baik ditunjukkan oleh responden masih belum layak diklasifikasikan sebagai satu kejayaan hakiki kerana pencapaian itu mungkin berjaya dipersembahkan pada tahap terbaik mereka semasa ujian pasca dijalankan, walhal kefahaman terhadap konsep itu adalah pada masa yang pendek itu sahaja. Situasi ini pernah disebut oleh Long (2003) yang mengatakan bahawa '*phonological fossilization*' itu adalah '*fluctuation*'. Dalam kata lain, masalah kekerasan lidah itu merujuk kepada prestasi sebutan yang turun dan naik. Selinker & Lamendella (1978) berpendapat bahawa tempoh yang ideal bagi merawat masalah kekerasan lidah dalam kalangan pelajar bahasa kedua ialah antara dua hingga lima tahun.

Tuntasnya, masalah kekerasan lidah dapat diatasi sepenuhnya bergantung kepada usaha individu tersebut iaitu sejauh mana terapi alternatif dipraktikkan dan sejauh mana faktor-faktor intrinsik yang lain dapat dimanfaatkan.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan, kajian ini telah berjaya mengenal pasti permulaan umur bagi masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu. Tahap umur seseorang sememangnya mempengaruhi tahap kualiti sebutan bahasa kedua atau bahasa asing. Namun, faktor umur tidak boleh digeneralisasikan kepada semua golongan kerana terdapat banyak lagi faktor lain yang menyumbang kepada masalah kekerasan lidah itu sendiri. Ringkasnya, masalah kekerasan lidah dalam kalangan orang Melayu boleh berlaku seawal usia enam tahun. Dalam konteks makalah ini, responden yang dikenal pasti sudah mengalami masalah kekerasan lidah berada pada kategori kekerasan lidah sementara. Malah, kekerasan lidah bagi setiap orang juga berlaku pada fonem-fonem tertentu sahaja. Dapatkan kajian juga hanya mendakwa bahawa seseorang individu yang mengalami masalah kekerasan lidah pada fonem yang bersifat plosif tidak semestinya bermasalah pada fonem yang lain bersifat plosif juga. Walau bagaimanapun, tahap umur itu adalah permulaan umur bagi masalah tersebut. Justeru, peluang untuk merawat masalah kekerasan lidah itu masih tinggi jika pelbagai strategi dan terapi yang digunakan secara konsisten selama sekurang-kurangnya dua hingga lima tahun (Selinker & Lamendellah, 1978).

## RUJUKAN

- Ashley Fidler. (2006). Reconceptualizing Fossilization in Second Language Acquisition: A Review. *Second Language Research. Second Language Reseach*, 22 (3), 398-411.
- Bialystok. (1997). The Structure of Age: In Search of Barriers to Second-language Acquisition. *Second Language Research*, 13, 116-137.
- Bongaerts et al. (1997). *Age and Ultimate Attainment in the Pronunciation of a Foreign Language*. Cambridge University Press. University of Nijmegen.
- Charles Nagle (2011). A Reexamination of Ultimate Attainment in L2 Phonology: Length of Immersion, Motivation, and Phonological Short-Term Memory. *Selected Proceedings of the 2011 Second Language Research Forum*, ed. Erik Voss et al., 148-161. Somerville, MA: Cascadilla Proceedings Project.
- Christo Moskovsky & Silvia Ratcheva. (2014). L2 Fossilization: A Competence or a Performance Phenomenon. *The Open Communication Journal*, 8. 9-17.
- Ellis, R. (2005). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford. Oxford University Press.
- Flege. (1987). The Production of "new" and "similar" phones in a foreign language: Evidence for the Effect of Equivalence Classification. *Journal of Phonetics*, 15, 47-65.
- Hulin Ren. (2013). Social Perspective on Fossilization of Interlanguage. *International Journal of Asian Social Science*. 3(4). 878-881.
- Ibrahim Ar-Rifou. (2015). Ability to Acquire a Native-like Accent and the Age Factor. *British Journal of Humanities and Social Sciences*, 13(1).
- Lenneberg, E. H. (1967). *Biological Foundations of Language*. New York, NY: John Wiley.
- Long, M.H (2003). "Stabilization and Fossilization in Interlanguage Development". In *The Handbook of Second Language Acquisition*, edited by C.J. Doughty and M.H. Long (pp.487-536). Blackwell.
- Mohd Asmadi Yakob, Mohd Asyraf Zaki Yakob & Syuhaida Idha Abd Rahim. (2014). Manuskrip al-Quran dan Ilmu-ilmunya (*Ulum al-Quran*) di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrip Ilmu Tajwid. Perpustakaan Negara Malaysia. 1-10.
- Moyer, A. (2004). *Age, accent, and experience in second language acquisition: an integrated approach to critical period inquiry*. Multilingual Matters.
- Moyer, A. (2014). What's Age Got to do with it? Accounting for Individual Factors in Second Language Accent. *Studies in Second Language Learning and Teaching*, 4(3), 443-464. doi: 10.14746/ssllt.2014.4.3.4
- Moyer, A. (2015). *Foreign Accent: The Phenomenon of Non-native Speech*. United Kingdom. Cambridge University Press.
- Munoz, C. (2008). Symmetries and Asymmetries of Age Effects in Naturalistic and Instructed L2 Learning. *Applied Linguistics*, 29, 578-596.
- Munro, M., & Mann, V. (2005). Age of Immersion as Predictor of Foreign Accent. *Applied Psycholinguistics*, 26, 311-341.
- Oyama, S. C. (1976). A Sensitive Period for the Acquisition of a Phonological System. *Journal of Psycholinguistic Research*, 5, 261-283.
- Patkowski, Mark. (1980b). The Sensitive Period for the Acquisition of Syntax in a Second Language. *Language Learning*, 30, 449-472.
- Patkowski, Mark. (1990). Age and Accent in a Second Language: A Reply to James Emil Flege. *Applied Linguistics*, 11, 73-89.
- Purcell, Edward T., & Suter, Richard W. (1980). Predictors of Pronunciation Accuracy. *A Reexamination Language Learning*, 30, 271-287.
- Schumann. (1986). Research on the Acculturation Model for Second Language Acquisition. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 7, 378-392
- Scovel, T. (1988). *A Time to Speak. A Psychoinguistic inquiry into the Critical Period for Human Speech*. Rowley, MA: Newbury House.
- Selinker, L. (1972). Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*. 10(3), 219-231.
- Selinker, L. (1974). Error Analysis: Source, cause and significance. In J. C. Richards (Eds.), *Error analysis: Perspective on Second Language Acquisition*. London. Longman.
- Selinker, L. & J.T. Lamendella. (1978). Two Perspectives on Fossilization in Interlanguage Learning. *Interlanguage Studies Bulletin*, 3(2), 143-191.

- Selinker, L. (1991). *Rediscovering Interlanguage*. New York: Longman.
- Selinker, L. And Lakshmanan, U. (1992). Language Transfer and Fossilization: The Multiple Effects Principle. In Gass, S. And Selinker, L., editors, *Language Transfer in Language Learning*, John Benjamins.
- Sims, W. R. (1989). Fossilization and Learning Strategies in Second Language Acquisition. *Minne TESOL Journal*, 7.
- Singleton, D., & Leśniewska, J. (2012). Age and SLA: Research highways and byways. In M. Pawlak (Ed.), *New perspectives on individual differences in language learning and teaching* (pp. 97-113). Heidelberg: Springer.
- Singleton, D. (2005). The Critical Period Hypothesis: A coat of many colours. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 43, 269-285.
- Tahta, S.Wood, M. & Lowenthal, K. (1981). Foreign Accents: Factors Relating to Transfer of Accent From the First Language to a Second Language. *Language and Speech*, 24.
- Xueping Wei, (2008). Implication of Interlanguage Fossilization in Second Language Acquisition. Beijing Language and Culture University. *CCSE English Language Teaching*, 1(1).

#### Rujukan Surat Khabar

- Mohd Shahrul Rabbani. (25 Julai 2019). Berguru dalam ilmu Tajwid. *Berita Harian Malaysia Online*. (Dilayari daripada [www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/588867/berguru-dalam-ilmu-tajwid](http://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/07/588867/berguru-dalam-ilmu-tajwid))
- Tanpa Nama. (16 Julai 2018). Wajar Tahu Bahasa Arab. *Harian Metro Online*. (Dilayari daripada [www.hmetro.com.my/addin/2018/07/358285/wajar-tahu-bahasa-arab](http://www.hmetro.com.my/addin/2018/07/358285/wajar-tahu-bahasa-arab))